

15/11/2000

PM tiba malam tadi

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam tadi untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi ketua-ketua negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang bermula hari ini.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden China, Jiang Zemin hari ini sebelum menghadiri program rasmi ketua kerajaan Apec. Program rasmi yang membabitkan semua ketua negara 21 anggota Apec itu termasuk dialog dengan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Apec), taklimat Agenda Apec dan meninjau pameran pelukis muda.

Program hari pertama Dr Mahathir bersama pemimpin Apec lain itu akan berakhir dengan majlis makan malam gala yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa (ICC).

(END)